

13 JUL 2003

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI UKRAINE UNTUK LAWATAN RASMI EMPAT HARI

Oleh: Mohd Kamel Othman

KIEV (Ukraine), 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada Ahad untuk memulakan lawatan rasmi empat hari ke Ukraine, iaitu pemimpin tertinggi dari Malaysia yang mengunjungi bekas republik Soviet itu sejak hubungan diplomatik diwujudkan antara kedua-dua buah negara pada Mac 1991.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di ibu negara Ukraine dengan menaiki pesawat khas dari London dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Boryspil pada kira-kira 1.40 tengah hari waktu tempatan.

Ketibaan beliau disambut Ketua Pentadbiran Presiden Ukraine V. Medvedchuk, Menteri Luar A.Zlenko, Kuasa Usaha Ukraine di Malaysia Valentyn Velychko dan Datuk Bandar Kiev O.Omelchenko.

Turut berada di lapangan terbang ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudiannya dibawa ke Rumah Tamu Kerajaan serta disambut oleh delegasi Malaysia yang lain.

Dr Mahathir akan diberikan sambutan rasmi di Istana Mariinskyi pagi Isnin sebelum mengadakan pertemuan dengan Presiden Leonid Kuchma, Perdana Menteri Victor Yanukovic dan Speaker Parliamen Volodymir Lytvyn.

Ukraine, yang terletak di bahagian tenggara Eropah Tengah, ialah negara Eropah timur yang paling besar selepas Rusia meliputi kawasan seluas 600,000 kilometer persegi. Ianya kaya dan sumber semulajadi dan merupakan antara pengeluar utama gula dunia, yang dihasilkan untuk kegunaan dalam negeri dan eksport.

Kedudukannya bersempadan dengan Laut Hitam, Belarus, Hungary, Moldova, Poland, Romania, Rusia dan Slovakia.

Aturcara pertama Dr Mahathir pada Ahad ialah melawat pameran barangan untuk kegunaan khas.

Selepas majlis sambutan rasmi pada Isnin, Perdana Menteri dan Yanukovic akan mempengerusikan bersama mesyuarat delegasi sebelum berlepas ke upacara meletakkan kalungan bunga di Tomb of Unknown Soldiers diikuti dengan lawatan ke kilang pesawat Antonov.

Pada Selasa, Dr Mahathir akan ke Odessa, iaitu pusat dagangan utama dan pelabuhan perikanan di negara ini.

Semasa di Odessa, Perdana Menteri akan menyaksikan majlis perjanjian usaha sama antara JM Ventures Sdn Bhd dan Odessa Port Transshipment Complex LLC, kerjasama teknikal antara Yasmin Marine Technology Sdn Bhd dan syarikat-syarikat negara Ukraine serta antara AMP Corporation (M) Sdn Bhd dan Iskra-State Electro Machine Building Plant.

Dr Mahathir juga akan diberikan taklimat mengenai penubuhan Pusat Dagangan Malaysia, meninjau Pelabuhan Odessa dan kemudahan penyimpanan minyak sawit sebelum bertolak ke Simferopol, sebuah pusat pentadbiran ekonomi dan budaya yang terletak di tebing Sungai Salgir.

Pada Rabu, Perdana Menteri akan memandu uji Superfoils dan kapal tentera laut yang lain sebelum menghadiri majlis makan tengah hari bersama para pelajar Malaysia di Crimea State Medical University. Kira-kira 630 pelajar Malaysia berdaftar di institusi pendidikan Ukraine, kebanyakannya mengikuti ijazah perubatan.

Dr Mahathir dijadual mengadakan sidang akhbar kepada media Malaysia

sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petangnya.

-- BERNAMA

MKO SSA ROS